

UKM MENDUKUNG USAHA KPT DEMI KESIHATAN MASA DEPAN

Kampung Sungai Gulang-Gulang, Kuala Selangor: Kolej Tun Syed Nasir, UKM telah berjaya menganjurkan program Kekal Sihat KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) yang merupakan satu usaha yang terpuji untuk memperkasakan masyarakat dalam meningkatkan kesedaran berkaitan kepentingan saringan kesihatan awal dalam menjalani kehidupan yang lebih sihat. Di samping memperkasakan masyarakat berkaitan pengetahuan dan kemahiran tentang amalan hidup sihat, ujian saringan untuk mengesan kehadiran penyakit pada peringkat awal juga merupakan satu langkah yang penting supaya dapat membantu meningkatkan peluang untuk merawat penyakit kronik. Namun demikian, kesedaran dan pengetahuan sahaja tidak memberi kesan sekiranya tidak diamalkan. Oleh itu, masyarakat digalakkan untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat, bak kata pepatah, “Mencegah adalah lebih baik dari merawat”.

Pengetua Kolej Tun Syed Nasir, Prof. Madya Dr. Mohd Razif Shahril menyatakan bahawa program ini adalah selaras dengan objektif KRIS di mana aktiviti saringan kesihatan telah dilakukan secara percuma kepada masyarakat sekitar Kampung Sungai Gulang-Gulang, Kuala Selangor, Selangor.

Program ini dijalankan selama satu hari bertempat di Dewan Orang Ramai Kampung Sungai Gulang- Gulang, Kuala Selangor, Selangor yang dirasmikan oleh Pengetua Kolej Tun Syed Nasir, Dr Razif Bin Shahril. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada komuniti setempat. Antara pengisian yang terdapat di dalam program ini ialah perkhidmatan saringan kesihatan seperti pemeriksaan paras gula dalam darah, tekanan darah, indeks jisim badan (BMI), komposisi badan, kesihatan mental, ujian buta warna, kekuatan daya ketahanan dan juga kardiorespiratori. Selain itu, pameran kesihatan seperti pameran penyakit mata, pemakanan sihat, pameran mengenai kesedaran cuci tangan, penjagaan gigi serta demo pembuatan sabun turut diadakan. Program ini merupakan hasil kerjasama Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Pergigian, Fakulti Farmasi Universiti Kebangsaan Malaysia serta Kelab Kesukarelawanan KTSN (Kelab Vos-Q).

Kejayaan melaksanakan program ini sememangnya satu pencapaian yang amat membanggakan di mana persiapan yang dilakukan adalah kurang daripada 2 bulan sahaja. Menurut pengarah program KRIS saudari Alya Najwa Binti Ibrahim, persiapan program yang bermula seawal bulan September 2022 ini sememangnya memberikan banyak pengalaman yang berharga kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus sehingga ke akhirnya. Beliau berharap dengan adanya program ini dapat memberi manfaat dan kesedaran berkaitan pentingnya penjagaan dan saringan awal kesihatan agar mutu kesihatan masyarakat bertambah lebih baik.



Sesi pemberian hadiah cenderamata kepada Ketua Kampung Sungai Gulang- Gulang, Kuala Selangor.



Pemeriksaan paras gula dalam darah dan tekanan darah yang dilakukan oleh pelajar jurusan Sains Bioperubatan, Fakulti Sains Kesihatan.



Pemeriksaan kesihatan mental yang dilakukan oleh pelajar jurusan Psikologi, Fakulti Sains Kesihatan.



Ujian buta warna dan pameran penyakit mata yang dilakukan oleh pelajar jurusan Sains Optometri, Fakulti Sains Kesihatan.




Pameran pergigian yang dilakukan oleh pelajar jurusan Pergigian UKM



Pameran penjagaan makanan daripada pelajar jurusan Sains Pemakanan, Fakulti Sains Kesihatan.



Demonstrasi pembuatan sabun dan pameran kesedaran mencuci tangan yang dilakukan oleh pelajar jurusan Farmasi.



Permainan-permainan seperti dam ular gergasi, sumpit ping-pong dan *flip tic-tac-toe* yang penuh dikunjungi kanak-kanak.



Penyampaian hadiah kepada kanak-kanak yang berjaya menghabiskan setiap pusingan permainan.



Pemberian sumbangan kepada penduduk kampung B40.



Sesi bergambar bersama pengetua Kolej Tun Syed Nasir dan ahli organisasi program KRIS.